



21 APR, 2024

SHL medan terbaik lahir lebih ramai bakat baharu

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

SHL medan terbaik lahir lebih ramai bakat baharu

Petaling Jaya: Liga Hoki Selangor TNB-QNET (SHL) akan menjadi medan terbaik bagi negeri itu melahirkan lebih ramai bakat baharu dalam sukan berkenaan.

Menurut Presiden Persatuan Hoki Selangor S Ganesh, selepas hampir lima tahun tidak diadakan pertandingan seperti itu, pihaknya kembali dengan mewujudkan beberapa kategori dalam usaha memeriahkan lagi kejohanan berkenaan.

Beliau berkata, SHL akan diadakan dalam tiga divisyen bertujuan memberi peluang lebih banyak pasukan menyertai pertandingan itu dan secara tidak langsung membantu mereka mengesan bakat baharu sukan itu.

“Kali terakhir liga ini (SHL) diadakan pada tahun 2019, disebabkan

pandemik Covid-19 ia terhenti seketika dan tahun ini ia kembali diadakan.

“Tujuan kita adakan liga ini untuk akar umbi dan dengan sokongan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) kita akan lebih giat adakan liga seperti ini agar kita dapat mengesan dan mencungkil lebih ramai bakat dalam sukan

ini.

“Divisyen 1 akan disertai tujuh pasukan terbaik dan Divisyen 2 pula sebanyak 10 pasukan akan bersaing sementara bagi Divisyen 3, khusus untuk

wanita dan enam pasukan akan berlawanan semasa mereka,” katanya pada sidang media Majlis Pelancaran Liga Hoki Selangor TNB-QNET (SHL), di sini, semalam.

SHL membuka tirai semalam dan pertandingan itu akan berlangsung hampir dua bulan dan berakhir pada 2 Jun depan.

“Tujuan kita adakan liga ini untuk akar umbi dan dengan sokongan MHC kita akan lebih giat adakan liga seperti ini agar kita dapat mengesan dan mencungkil lebih ramai bakat”